

10 JAN 2002

Koizumi-Tiba (Bergambar)/I

KOIZUMI TIBA DI MALAYSIA DALAM RANGKA LAWATAN KE ASIA TENGGARA

SEPANG, 10 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi yang berada dalam rangka lawatan ke lima negara Asia Tenggara tiba di sini, hari ini, untuk lawatan rasmi sehari ke Malaysia.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini, di sambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Pesawat khas membawa Koizumi dan rombongannya mendarat di lapangan terbang itu pada pukul 1 tengah hari. Sebelum tiba di sini Koizumi telah singgah di Filipina.

Petang ini, Koizumi dijadual mengadakan perbincangan bersama rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum mesyuarat delegasi antara kedua-dua pihak di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

Semalam, Dr Mahathir memberitahu pemberita yang pertemuannya bersama pemimpin Jepun itu akan bertumpu pada isu-isu dua hala termasuk hubungan ekonomi dan keganasan.

Koizumi juga akan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara lewat petang ini.

Malam ini, Dr Mahathir akan meraikan rakan sejawatannya itu di kediaman rasmi beliau Seri Perdana, di Putrajaya.

Koizumi dijadual berlepas ke Thailand esok untuk meneruskan lawatan seminggunya ke negara-negara Asia Tenggara. Beliau juga akan melawat Indonesia dan Singapura.

Ini merupakan lawatan pertama Koizumi ke Asia Tenggara sejak memegang jawatan Perdana Menteri tahun lepas.

-- BERNAMA

WN MAM AHH PR